



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
JABATAN WARISAN NEGARA

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan (Bumiputera) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di dalam **Negeri Melaka** sahaja yang memperolehi Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB dalam gred dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:

| Tajuk Sebut Harga | Gred/ Kategori/ Pengkhususan CIDB | Tempat, Tarikh & Waktu Taklimat/ Lawatan Tapak |
|--|---|---|
| PROJEK UBAH SUAI, NAIK TARAF DAN BAIK PULIH RUANG PAMERAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI GALERI WARISAN KOTA MELAKA JWN.PBN.400-5/18/2024-5 | Gred G1 (Negeri Melaka Sahaja) Kategori B (Pembinaan Bangunan) Pengkhususan B24 (Kerja Penyenggaraan Bangunan) | <u>Tempat</u> Galeri Warisan Kota Melaka, 1A, Jalan Kota, Banda Hilir, Melaka <u>Tarikh Taklimat/Lawatan Tapak</u> 14 Jun 2024 (Jumaat) Jam 10.00 pagi |
| | | Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Tutup |
| | | <u>Tempat</u> Peti Tender/Sebut Harga, Jabatan Warisan Negara, Blok B, Bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja, 50050 Kuala Lumpur <u>Tarikh Sebut Harga Ditutup</u> 27 Jun 2024 (Khamis) <u>Waktu Sebut Harga Ditutup</u> 12.00 Tengah Hari |

Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Sila bawa Kad Pengenalan, SIJIL ASAL dan SATU SALINAN sijil-sijil berkaitan serta **COP RASMI** syarikat semasa lawatan tapak. Surat Kelulusan/Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan untuk menyertai pelawaan sebut harga ini.

Kehadiran taklimat/lawatan tapak secara fizikal adalah **DIWAJIBKAN** dan taklimat/lawatan tapak akan diadakan pada **14 Jun 2024 (Jumaat) Jam 10.00 pagi**. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak penyebut harga bagi tujuan lawatan tapak tersebut.

Dokumen sebut harga boleh disemak dan diperolehi secara **PERCUMA** bermula pada **19 Jun 2024 (Rabu)** melalui emel. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak atau wakil yang sah sahaja. Kontraktor disarankan mempunyai alamat emel untuk memudahkan urusan rasmi. Jabatan ini berhak menolak pengambilan dokumen jika terdapat mana-mana butiran yang tidak melepasi kelayakan yang disyaratkan.

2. Dokumen sebut harga yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat bermeteri dengan **TAJUK** dan **NOMBOR SEBUT HARGA** di penjuru kiri sampul surat berkenaan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada tarikh tutup yang ditetapkan ke alamat di atas.
3. Jika dokumen sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/Kurier, dokumen tersebut hendaklah dipastikan masuk ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Warisan Negara. Penyebut harga juga hendaklah memastikan dokumen tersebut sempurna dihantar sebelum/pada tarikh tutup sebut harga **selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan atau dokumen yang tidak dimasukkan dalam **Peti Sebut Harga tidak akan dilayan**.



MOHAMAD MUDA BIN BAHADIN
Ketua Pengarah
Jabatan Warisan Negara

Tarikh Pamer Iklan: 6 Jun 2024